

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN)  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI  
DAN AGENSI NEGERI KEDAH TAHUN 2021**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Kedah Tahun 2021. LKAN ini mengandungi laporan berkaitan Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021; Analisis Kewangan Kerajaan Negeri serta Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri. Perincian bagi setiap bahagian adalah seperti berikut:

**1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021**

- a. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 Tanpa Teguran dengan Penegasan Perkara dan perenggan Hal-hal Lain telah ditandatangani pada 18 Ogos 2022.
- b. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.
- c. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 diserahkan kepada Jabatan Audit Negara Negeri Kedah untuk diaudit pada 17 Mac 2022.

**1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- a. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2021 adalah stabil berdasarkan Matriks Kedudukan Kewangan Tahun 2021.
- b. Kutipan hasil pada tahun 2021 berjumlah RM688.04 juta, iaitu meningkat sebanyak RM127.38 juta (22.7%) berbanding RM560.66 juta pada tahun 2020. Perbelanjaan mengurus pada tahun 2021 berjumlah RM635.36 juta, iaitu meningkat sebanyak RM20.29 juta (3.3%) berbanding RM615.07 juta pada tahun 2020.

- c. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- d. Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2021 mencatatkan kurangan terkumpul berjumlah RM490.02 juta iaitu menurun sebanyak RM52.68 juta (9.7%) berbanding kurangan terkumpul berjumlah RM542.70 juta pada tahun 2020.
- e. Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2021 berbaki sifar iaitu tidak berubah berbanding tahun 2020.
- f. Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2021 berjumlah RM987.60 juta iaitu meningkat sebanyak RM87.82 juta (9.8%) berbanding RM899.78 juta pada tahun 2020.
- g. Baki Pelaburan pada tahun 2021 berjumlah RM26 juta iaitu tidak berubah berbanding tahun 2020. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2021 berjumlah RM194.65 juta, iaitu menurun sebanyak RM21.92 juta (10.1%) berbanding RM216.57 juta tahun 2020. Jumlah Hutang Awam menurun sebanyak RM738.40 juta (27.7%) kepada RM1.924 bilion berbanding RM2.662 bilion pada tahun 2020.

### **1.3. Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri**

- a. Pengauditan penyata kewangan dilaksanakan terhadap 22 agensi negeri yang terdiri daripada 10 Badan Berkanun Negeri (BBN), satu Majlis Agama Islam (MAI) dan 11 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- b. Sehingga 31 Ogos 2022, sembilan BBN dan kesemua PBT serta satu MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 untuk diaudit, manakala satu BBN masih belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Sebanyak 17 daripada 21 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 Jun 2022, manakala empat lagi agensi telah mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2022. Satu agensi belum mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan setelah mendapat kelulusan pelanjutan tempoh sehingga 31 Ogos 2022 daripada Pegawai Kewangan Negeri Kedah.

- c. Setakat 31 Ogos 2022, hanya lapan penyata kewangan agensi negeri telah disemak dan disahkan. Kesemua lapan penyata kewangan tersebut telah disahkan dengan Pendapat Tanpa Teguran iaitu Lembaga Kemajuan Penanam-penanam Padi Negeri Kedah, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Majlis Bandaraya Alor Setar, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Majlis Perbandaran Kulim, Majlis Perbandaran Kubang Pasu, Majlis Daerah Sik dan Majlis Daerah Pendang. Bagaimanapun, tujuh penyata kewangan BBN, lima penyata kewangan PBT dan satu MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 sedang dalam proses pengauditan dan belum disahkan.
  - d. Sebanyak 18 daripada 23 penyata kewangan tahun 2020 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah pada 21 Mac 2022 dan 18 Julai 2022. Empat lagi penyata kewangan tahun 2020 belum dibentangkan iaitu Perbadanan Stadium-stadium Negeri Kedah, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Yayasan Islam Negeri Kedah dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah, manakala penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah tidak dibentangkan di Dewan Undangan Negeri kerana tidak dikehendaki oleh Akta Tubuh. Selain itu, terdapat dua penyata kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 masih belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah dan Lembaga Muzium Negeri Kedah.
2. Secara keseluruhannya, sebanyak tujuh syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara. Enam syor kepada Kerajaan Negeri Kedah dan satu syor kepada agensi negeri.

